



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CABARAN GURU PRASEKOLAH LUAR BANDAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ONLINE SEMASA PANDEMIK COVID-19



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CABARAN GURU PRASEKOLAH LUAR BANDAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ONLINE SEMASA PANDEMIK COVID-19

HUZAINI BIN AMIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)/
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...19...(hari bulan)10..... (bulan) 2023....

i. Perakuan pelajar :

Saya, HUZAINI BIN AMIR: M20201000165, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk CABARAN GURU PRASEKOLAH LUAR BANDAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ONLINE SEMASA PANDEMIK COVID-19.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NORDIN BIN MAMAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk CABARAN GURU PRASEKOLAH LUAR BANDAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ONLINE SEMASA PANDEMIK COVID-19.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19 OKTOBER 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia
Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
 Pesyarah Kanan
 Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: CABARAN GURU PRASEKOLAH LUAR BANDAR TERHADAP
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ONLINE SEMASA PANDEMIK COVID-19

No. Matrik / Matic's No.: M20201000165

Saya / I : HUZAINI BIN AMIR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 19 OKTOBER 2023

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Prof. Madya Dr. Nordin Matat

**Pesyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Pertama kalinya saya ingin memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya telah memberikan keizinan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Di kesempatan yang ada ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), terutamanya kepada para pensyarah dan kakitangan Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) kerana telah banyak memberi bantuan dan panduan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah pembimbing saya, iaitu Profesor Madya Dr. Nordin Bin Mamat yang sudi menerima saya sebagai pelajar dan tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan kepada saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Jasa baik beliau amatlah saya hargai dan akan dikenang hingga sepanjang hayat.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta iaitu Nurhijroni Binti Yahaya yang banyak memberikan semangat dan bantuan kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada putera dan puteri saya yang selama ini memahami tugas yang perlu saya lalui dan sangat memberikan kerjasama yang baik. Tidak terlupa juga ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada ibunda tercinta iaitu Fatimah Binti Ali serta seluruh ahli keluarga kerana telah banyak memberikan semangat dan galakan kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Semoga kejayaan ini menjadi sumber inspirasi buat ahli keluarga seluruhnya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Hanya Allah S.W.T sahajalah yang mampu membala jasa baik kalian dengan sebaik-baik balasan. Akhir kata, saya berharap semoga usaha yang telah saya lakukan selama ini sentiasa diberkati dan direhdai oleh Allah S.W.T. Insyaallah.





ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk melihat sejahteranakah cabaran guru-guru prasekolah di kawasan luar bandar terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* semasa tempoh pandemik COVID-19. Peserta kajian adalah seramai empat orang guru prasekolah yang telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Pengumpulan data kajian adalah melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data kajian dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Dapatkan kajian menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah luar bandar terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* semasa pandemik COVID-19 adalah hampir sama dari segi capaian internet, penglibatan ibu bapa dan penjaga, penglibatan murid dan komunikasi antara guru dengan murid. Antara solusi yang diambil oleh guru-guru prasekolah di kawasan luar bandar ini untuk menangani isu-isu yang berlaku antaranya adalah dengan menyediakan modul-modul pembelajaran secara *offline*, menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram*, memberi kelonggaran masa kepada ibu bapa dan penjaga, memberi makluman awal kepada ibu bapa dan penjaga dan akhir sekali perbincangan antara guru dengan ibu bapa. Bagi aspek penglibatan murid pula sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran *online* dijalankan, penglibatan murid adalah di tahap sederhana dan memuaskan sahaja. Kesimpulannya, dapatkan utama kajian menunjukkan terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh guru-guru prasekolah di kawasan luar bandar sepanjang pengajaran dan pembelajaran *online* ini dilaksanakan, walau bagaimanapun terdapat beberapa solusi yang telah digunakan oleh guru-guru prasekolah ini bagi mengatasi masalah tersebut. Implikasi kajian yang telah dijalankan ini mampu dijadikan panduan kepada guru-guru prasekolah, pihak pentadbir dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merancang sesi pengajaran dan pembelajaran *online* menggunakan teknologi pendidikan yang ada dengan lebih baik lagi seiring dengan peredaran masa lebih-lebih lagi ketika negara berada di dalam situasi luar jangka.





CHALLENGES OF RURAL PRESCHOOL TEACHERS ON ONLINE TEACHING AND LEARNING DURING COVID-19 PANDEMIC

ABSTRACT

This qualitative study aims to see the extent of the challenge of preschool teachers in rural areas to online teaching and learning during the period of the COVID-19 pandemic. The study participants were a total of four preschool teachers who were selected through purposive sampling. The collection of research data is through interviews, observations and document analysis. The study data was analysed using the content analysis method. The findings of the study show that the challenges faced by rural preschool teachers in online teaching and learning during the COVID-19 pandemic are almost the same in terms of internet access, involvement of parents and guardians, involvement of students and communication between teachers and students. Among the solutions taken by preschool teachers in these rural areas to deal with the issues that occur are by providing offline learning modules, using WhatsApp and Telegram applications, giving time flexibility to parents and guardians, giving early notice to parents and guardians and finally a discussion between teachers and parents. In terms of student engagement throughout the period of online teaching and learning, student engagement is at a moderate and satisfactory level. In conclusion, the main findings of the study show that there are several challenges that have been faced by preschool teachers in rural areas throughout the implementation of online teaching and learning, however there are several solutions that have been used by these preschool teachers to overcome these problems. The implications of the research that has been carried out can be used as a guide for preschool teachers, administrators and the Malaysian Ministry of Education (KPM) to plan online teaching and learning sessions using existing educational technology in a better way with the passage of time especially when the country is in unexpected situations.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Soalan Kajian	12
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	15





1.8.2	Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	15
1.8.3	Pihak Sekolah dan Guru	16
1.8.4	Pihak Ibu Bapa	16
1.8.5	Murid	17
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	18
1.10.1	Cabar	18
1.10.2	Guru Prasekolah	18
1.10.3	Luar Bandar	19
1.10.4	Pengajaran dan Pembelajaran Online	20
1.10.5	COVID-19	21
1.11	Rumusan	21

BAB 2 KAJIAN LITERATUR



2.1	Pengenalan	23
2.2	Teori Pembelajaran	24
2.2.1	Teori Konstruktivisme (Constructivisme)	24
2.2.2	Teori Pembelajaran Kognitif Multimedia	26
2.2.3	Teori Behaviourisme	28
2.2.4	Model e-tivities	30
2.3	Pengajaran Dan Pembelajaran Online	33
2.4	Pandangan Guru Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Online Semasa Tempoh Pandemik COVID-19	38
2.5	Kesediaan Guru Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Online Semasa Tempoh Pandemik COVID-19	40





2.6	Cabaran Yang Dihadapi Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Online Semasa Tempoh Pandemik COVID-19	41
2.7	Penglibatan Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Online	45
2.8	Rumusan	48

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.2.1	Reka Bentuk Kualitatif	51
3.2.2	Kajian Kes	52
3.3	Lokasi Kajian	53
3.4	Peserta Kajian	55
3.5	Instrumen Kajian	59
3.6	Kajian Rintis	61
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	62
3.7.1	Temu bual	63
3.7.1.1	Persediaan Untuk Temu Bual	64
3.7.1.2	Proses Semasa Temu Bual	65
3.7.1.3	Menjalinkan Hubungan (Rapport) Dengan Responden	67
3.7.2	Pemerhatian	68
3.7.3	Analisis Dokumen	71
3.8	Prosedur Analisis Data	73
3.8.1	Kaedah Analisis Kandungan	75
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	76
3.9.1	Triangulasi	77
3.9.2	Semakan Rakan Sekerja (Peer Review)	78





3.10 Pertimbangan Beretika	79
----------------------------	----

3.11 Rumusan	81
--------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	82
----------------	----

4.2 Profil Responden	83
----------------------	----

4.3 Analisis Dapatan Kajian	84
-----------------------------	----

4.3.1 Persoalan Kajian 1: Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah di luar bandar semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran online?	85
---	----

4.3.2 Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah Solusi Yang Digunakan Oleh Guru Prasekolah Di Luar Bandar Semasa Menangani Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Online?	103
---	-----

4.3.3 Persoalan Kajian 3: Sejauh Manakah Penglibatan Murid Prasekolah Sewaktu Pengajaran Dan Pembelajaran Online Dilaksanakan?	114
--	-----

4.4 Rumusan	122
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	124
----------------	-----

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	125
---------------------------------	-----

5.2.1 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Prasekolah di Luar Bandar Semasa Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Online	125
---	-----

5.2.2 Solusi Yang Digunakan Oleh Guru Prasekolah di Luar Bandar Semasa Menangani Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Online	132
---	-----

5.2.3 Penglibatan Murid Prasekolah Sewaktu Pengajaran Dan Pembelajaran Online Dilaksanakan	137
--	-----

5.3 Implikasi Kajian	138
----------------------	-----





5.3.1	Implikasi Terhadap Murid	139
5.3.2	Implikasi Terhadap Guru	140
5.3.3	Implikasi Terhadap Sekolah	140
5.3.4	Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	141
5.3.5	Implikasi Terhadap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	141
5.4	Cadangan	142
5.4.1	Meningkatkan Penguasaan Guru Dalam Kemahiran ICT	142
5.4.2	Meningkatkan Kadar Capaian Internet	143
5.4.3	Menyediakan Kemudahan Telefon Pintar	143
5.5	Kajian Masa Depan	144
5.6	Rumusan	145
RUJUKAN		146
LAMPIRAN		159





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Ringkasan Tapak Kajian dan Kedudukan Sekolah	55
3.2 Perincian Responden	58
3.3 Borang Semak Pemerhatian	69
3.4 Borang Senarai Semak Analisis Dokumen	72
3.5 Ringkasan Reka Bentuk Kajian	81
4.1 Profil Responden	83
4.2 Ringkasan Dapatan Kajian Persoalan Kajian 1	102
4.3 Ringkasan Dapatan Kajian Persoalan Kajian 2	113
4.4 Ringkasan Dapatan Kajian Persoalan Kajian 3	112





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Pengajaran Dan Pembelajaran <i>Online</i>	14
2.1 Teori Kognitif dalam Pembelajaran Multimedia	28
2.2 Model Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian	33





SENARAI SINGKATAN

COVID-19	Coronavirus Disease 2019
DELIMA	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
GPA	Guru Prasekolah A
GPB	Guru Prasekolah B
GPC	Guru Prasekolah C
GPD	Guru Prasekolah D
HBL	Home Based Learning
ICT	Information and Communication Technology



KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBK	Murid Berkeperluan Khas
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudah Caraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SARS	Severe Acute Respiratory Syndrome
SK	Sekolah Kebangsaan
SKA	Sekolah Kebangsaan A
SKB	Sekolah Kebangsaan B





SKC Sekolah Kebangsaan C

SKD Sekolah Kebangsaan D

S1 Soalan 1

S2 Soalan 2

S3 Soalan 3

S4 Soalan 4

S5 Soalan 5

S6 Soalan 6

S7 Soalan 7

S8 Soalan 8

S9 Soalan 9

UNICEF United Nations Children's Fund



WHO World Health Organisation





SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temu Bual
- B Contoh Temu Bual
- C Dapatan Temu Bual
- D Borang Semak Pemerhatian Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Online Guru Prasekolah Luar Bandar.
- E Borang Senarai Semak Analisis Dokumen Penglibatan Murid Prasekolah Sewaktu Pengajaran Dan Pembelajaran Online Dilaksanakan.
- F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Semasa Pandemik Covid-19
- G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Penyelidikan Di Sekolah-Sekolah Di Negeri Kedah





BAB 1

PENGENALAN



Pengajaran dan pembelajaran *online* atau pembelajaran atas talian merupakan sistem penyampaian instruksi yang membolehkan pelajar menyertai peluang pendidikan tanpa perlu hadir di lokasi yang sama dengan pengajar. Pembelajaran atas talian merupakan satu sistem pendidikan jarak jauh yang menggunakan peranti berteknologi sebagai pengantara dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan sepenuhnya melalui internet (Siemens, Gašević & Dawson, 2015). Pelbagai bentuk platform telah didedahkan oleh industri pendidikan seperti aplikasi *Zoom*, *Microsoft Teams*, *Webex*, *Blackboard* dan *Google Classroom* (Larry, 2020) bagi melancarkan proses transformasi pendidikan ini.





Pengajaran dan pembelajaran *online* bukanlah suatu perkara yang baharu namun telah lama diperkenalkan. Walau bagaimanapun pada ketika ini tidak ada satu definisi yang boleh dikatakan diterima pakai secara menyeluruh. Bahkan definisi e-pembelajaran kerap dikelirukan dengan definisi lain seperti *online learning*, *blended learning*, *distributed learning* dan *mobile learning*. Kadangkala terdapat pertindihan makna, di antara istilah berikut misalnya, pembelajaran *online*, pembelajaran berasaskan internet, pembelajaran berasaskan teknologi, pembelajaran berasaskan komputer, pembelajaran berasaskan web dan pembelajaran maya (Mishra, 2009). Ada juga yang menyamakan definsi e-pembelajaran ini dengan *Learning Management System* (LMS) seperti *Blackboard*, *WebCt*, *Moodle*, *MyGuru*, *MyLMs* dan sebagainya (Yusup, et al., 2008).



menerapkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Afriyanti et al. 2018). Bahkan, pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara untuk memastikan sesbuah pembelajaran itu masih boleh dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa (Md Noor Salleh, 2019). Faktor pembangunan internet dan peningkatan teknologi yang menyokong persekitaran pembelajaran dalam talian adalah merupakan antara sebab utama meningkatnya pertumbuhan pembelajaran berasaskan web, dalam talian atau e-Pembelajaran (*e-Learning*).

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran *online* ini telah dibincangkan sejak dari peringkat awal kaedah pembelajaran ini diperkenalkan dalam dunia pendidikan. Seperti yang dilaporkan oleh Kearsley et al. pada tahun 1995, perbincangan tentang keberkesanan dan impak pengajaran dan pembelajaran *online* ke atas pencapaian murid





telah membuka mata ramai pihak dan menarik minat ramai penyelidik lain untuk menjalankan kajian berkenaan ini. Adunan penggunaan teknologi dalam penyampaian pembelajaran mampu memberikan impak yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran (Muhammad Mazni et al. 2019).

Sekolah pada abad ke-21 seharusnya mempunyai penerapan teknologi dalam proses pembelajaran (Lisa Nopilda & Muhammad Kristiawan, 2018). Penggunaan teknologi dalam pendidikan seharusnya menjadi sebahagian daripada pedagogi program pendidikan guru di zaman kini (Lambert & Cuper 2008; Baek et al. 2008; Yaoran et al. 2019). Arus pembangunan yang semakin hari semakin pesat memerlukan para pelajar untuk mempunyai literasi teknologi dan digital yang tinggi untuk membolehkan mereka untuk berdaya saing dengan para pelajar daripada negara maju yang lain (Wayan, 2019).



Walaupun Pengajaran dan pembelajaran *online* bukanlah sesuatu perkara yang baru, namun ianya kurang diberikan perhatian sebelum pandemik COVID-19. Hal ini demikian kerana para guru lebih selesa menggunakan kaedah pengajaran berbentuk konvensional jika berbanding dengan pengajaran dalam talian. Namun, semua guru perlu melibatkan diri secara aktif dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian supaya dapat menyesuaikan diri dalam pendidikan norma baharu. Menurut Mohamed Nazul (2020), proses pembelajaran dalam talian telah mengubahsuaikan dan memberikan kesan yang banyak kepada pelajar.

Pada awal tahun 2020, dunia gempar dengan serangan virus COVID-19 yang melumpuhkan hampir kesemua industri. Keadaan itu telah memaksa kerajaan Malaysia





untuk mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memandangkan pandemik yang berlaku boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia. Arahan perlaksanaan PKP yang dikeluarkan oleh kerajaan turut memberi kesan kepada sistem pendidikan negara di mana kesemua institusi pendidikan di setiap peringkat diarahkan untuk ditutup. Hal ini telah menimbulkan kerisauan dan panik dalam kalangan guru memandangkan silibus pembelajaran masih banyak perlu dihabiskan tambahan lagi, perjumpaan antara guru dan murid adalah mustahil untuk dilakukan.

Dalam keadaan sebegini, pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara dan inisiatif dalam melangsungkan pembelajaran walaupun tanpa perjumpaan fizikal antara guru dan murid (Mohd Salleh et al. 2020). Malah, pembelajaran dalam talian dilaksanakan hampir di seluruh dunia semasa pandemik Covid-19 melanda (Dong et al.



Pembelajaran secara dalam talian merupakan satu platform pendidikan bagi menggantikan pertemuan bersemuka antara pendidik dengan pelajar lebih-lebih lagi semasa pandemik ini (Rios, 2019). Bagi membendung penularan wabak COVID-19, pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian juga banyak memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya pelajar dalam meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi terkini dan membentuk pemikiran yang kritis dan kreatif dalam diri pelajar (Munirah et al., 2021). Walaupun pelajar menghadapi pelbagai kekangan seperti gangguan rangkaian internet dan masalah keperluan peranti pembelajaran, ia bukanlah satu halangan kepada pelajar dalam mengikuti kaedah pembelajaran secara dalam talian (Siti Nursyahidah et al., 2020).





1.2 Latar Belakang Kajian

Pandemik COVID-19 merupakan krisis kesihatan yang merencamkan di seluruh dunia sejak akhir tahun 2019. Kehidupan sehari-hari kita telah mengalami perubahan yang ketara berikutan pandemik COVID-19 dan sistem pendidikan juga terpaksa diselaraskan semula untuk mematuhi norma-norma baharu.

Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga 23 Mei 2021, jumlah kes COVID-19 telah mencapai 166 juta dan sebanyak 3.4 juta kematian di seluruh dunia. Manakala Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (2021) telah menunjukkan bahawa sebanyak 512091 kes positif dan sebanyak 2248 orang meninggal dunia akibat COVID-19 di Malaysia.



Wabak ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat (Noriha Basir et al. 2020). Wabak COVID-19 di Malaysia bermula sebagai gelombang kecil iaitu dengan hanya 22 kes pada Januari 2020 melalui kes import (Salim.et.al, 2020). Pada 15 Mac 2020, terdapat peningkatan mendadak dalam jumlah kes, iaitu sebanyak 190 kes direkodkan dan 125 kes tambahan pada 16 Mac 2020.

Oleh hal yang demikian, pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan bahawa pihak kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac. Sepanjang tempoh PKP semua universiti, sekolah dan tempat keagamaan diarahkan untuk ditutup.





Ini semua bertujuan untuk mengekang penularan penyakit akibat virus COVID-19 (Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia, 2020).

PKP tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia mahupun negara Malaysia khasnya. Tindakan pantas telah diambil oleh semua negara bagi memutuskan rantaian COVID-19. Di negara kita mesej utama yang disampaikan dalam PKP adalah duduk di rumah, penjarakan sosial dan penjagaan kebersihan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2020), penjarakan sosial adalah penting untuk mengekang penularan wabak ini yang dijangka tidak akan berakhir dalam masa satu bulan, malah berkemungkinan besar akan berlanjutan.

Pandemik COVID-19 ini memang membawa pengaruh yang besar kepada sosioekonomi begitu juga dengan bidang pendidikan di seluruh dunia (Lekhraj Rampal, 2020; Rohayati Junaidi et al. 2020). Oleh itu, negara kita telah membuat keputusan untuk menutup sekolah, kolej dan universiti untuk mengelakan penularan virus COVID-19 (Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia, 2021).

Menurut Sandeep Krishnamurthy (2020), norma baharu memerlukan cara penyelesaian yang unik. Aktiviti pembelajaran bersempena tidak dapat dilaksanakan dalam pandemik ini dan menyebabkan guru-guru perlu melaksanakan proses pembelajaran dari rumah ataupun pembelajaran dalam talian menggunakan platform teknologi yang lain seperti *Microsoft Team, Google Meet, Zoom, Google Classroom, Telegram, Whatsapps* dan sebagainya supaya pelajar tidak akan tercicir dan mengikut proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Suasana PdP yang bernorma baharu terus mendapat perhatian masyarakat terhadap pelaksanaannya dalam konteks pendidikan di





Malaysia apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan penutupan sekolah sehingga hujung tahun 2020.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2020), kesan krisis pandemik COVID-19 dijangka berterusan dengan lebih lama dan tidak akan tamat dalam tempoh terdekat. Memandangkan pandemik ini dijangka akan berterusan beberapa tahun, adalah penting untuk mengetahui isu atau cabaran yang dihadapi oleh guru, pelajar dan juga ibu bapa semasa menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan ini sebagai kesiapsiagaan mereka untuk masa-masa akan datang.

1.3 Penyataan Masalah



Wabak pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia pada masa ini telah mengubah hampir kesemua perkara dalam kehidupan seharian kita antaranya termasuklah pendidikan, Malaysia juga tidak terkecuali daripada perubahan yang telah berlaku ini. Sebilangan besar Kerajaan di seluruh dunia telah menutup institusi pendidikan buat sementara waktu bagi mengawal penyebaran wabak COVID-19. Dengan peningkatan bilangan penutupan institusi pendidikan di negeri, wilayah dan bahkan di seluruh negara ianya telah menyebabkan lebih daripada 91% daripada populasi pelajar dunia tidak menghadiri sekolah ataupun kolej (UNESCO 2020).

Menurut (UNESCO 2020) terdapat sebanyak 1,186,127, 211 pelajar telah terjejas di seluruh dunia atau sekitar 67.7% dari jumlah yang telah mendaftar sebagai pelajar dari 144 negara dan setiap negara harus mengubah sistem pembelajaran mereka





disebabkan pandemik COVID-19. Penutupan sekolah dan langkah pencegahan yang ketat bermakna semakin banyak keluarga bergantung pada teknologi dan penyelesaian digital untuk memastikan anak-anak belajar, dilayan dan dihubungkan dengan dunia luar, tetapi tidak semua kanak-kanak mempunyai keperluan pengetahuan, kemahiran dan sumber untuk menjaga keselamatan diri dalam talian (UNICEF 2020).

Di dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, pembelajaran kini dapat direalisasikan secara dalam talian dan pengetahuan dapat dipindahkan hampir menggunakan pelbagai media. Pengajaran dan pembelajaran *online* adalah penyelesaian terbaik untuk masa ini. Pengajaran dan pembelajaran *online* adalah persekitaran pembelajaran yang berlaku melalui Internet. Ia juga disebut sebagai e-pembelajaran. Pendidik dalam talian mengimbangi kekurangan fizikal kehadiran di kelas maya dengan mewujudkan persekitaran yang menyokong di mana semua pelajar berasa selesa untuk mengikuti kelas dalam talian (Joshua Stern 2020).

Idea ini dikongsi bersama oleh Nordin (2021) di mana “Sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan di seluruh negara bagi memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran secara optimum. Ini bagi membolehkan sesi pembelajaran diteruskan meskipun negara masih berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 yang tidak kunjung padam”. (p.18).

Walau bagaimanapun dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran *online* ini, guru turut menghadapi berbagai cabaran untuk menjayakannya. Cabaran utama yang dihadapi oleh guru antaranya kemahiran guru dalam penggunaan ICT masih perlu dipertingkatkan. Hal ini disokong oleh kajian Losius Goliong et al. (2020)



yang menyatakan bahawa 29 peratus guru masih kurang mahir melaksanakan pembelajaran dalam talian kerana isu kompetensi guru dalam mengendalikan pembelajaran menggunakan teknologi yang berdasarkan Internet.

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh guru dan pelajar ialah isu capaian internet. Losius Goliong et al. (2020) berpendapat bahawa isu capaian internet merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian dapat disokong oleh kajian Luqman Arif Abdul Karim (2020) yang menyatakan bahawa jurang penyaluran internet antara bandar dengan luar bandar adalah sangat lebar iaitu 70% di bandar dan 30% di luar bandar. Nor Musfirah (2021) berpendapat bahawa pelajar yang khususnya di kampung dan pedalaman menghadapi masalah jaringan internet yang tidak kuat dan menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran. Begitu juga dengan pendapat Anuar Ahmad (2020) bahawa kebanyakan pelajar di kampung dan pedalaman mengalami masalah internet yang tidak baik di kediaman mereka. Keadaan ini adalah bersesuaian dengan pendapat oleh Abdul Karim (2020) dan Bernama (2020), akses internet terutamanya dalam kawasan pedalaman yang terhad merupakan cabaran belajar dalam talian. Di sini ternyata cabaran yang dihadapi oleh guru dan pelajar semasa tempoh pandemik COVID-19.

Pertukaran kaedah pembelajaran daripada pembelajaran secara bersempena kepada pembelajaran secara *online* berlaku secara tiba-tiba. Menurut Arifah Prima dan Iis Prasetyo (2020), Lapada et. Al (2020) dan Deepika Nambiar (2020), kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru telah menjadikan kaedah pembelajaran dalam talian ini sukar atau tidak dapat dilaksanakan. Keadaan ini



menjadi kekangan kepada guru untuk berinteraksi dengan pelajar sekaligus menyebabkan objektif pembelajaran tidak tercapai.

Selain masalah interaksi antara pelajar dengan guru, kesukaran mendapat kerjasama daripada ibu bapa juga menyebabkan para pelajar tidak menghadirkan diri dalam sesi pembelajaran dalam talian (Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) dan Ramakanta dan Sonali (2020). Keadaan ini menyebabkan para pelajar tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran sepanjang tempoh pandemik ini.

Pelaksanaan pembelajaran atas talian didapati turut mendapat maklum balas yang negatif apabila terdapat murid – murid yang tertekan akibat kurang bersedia menggunakan strategi pembelajaran yang lain (Panteli & Panaoura 2020). Menurut

Mohd Fairuz et al. (2020), murid tidak dapat mengadaptasikan diri melalui keadaan terkini malah lebih memberi keutamaan dalam pembelajaran secara berhadapan muka.

Pembelajaran atas talian selama sehari tanpa kegiatan fizikal yang aktif telah mendatangkan rasa kebosanan kepada murid – murid dalam memberi tumpuan terhadap pembelajaran atas talian. Bagi mencegah keadaan begini, KPM telah memohon agar para pendidik untuk menggantikan cara pengajaran yang sesuai yang boleh menarik perhatian dan mendorong murid untuk melakukan pembelajarannya. Siti Balqis dan Muniroh (2020) menyatakan bahawa PdP yang tidak menarik perhatian boleh menyebabkan murid – murid mempunyai tanggapan buruk terhadap pembelajaran atas talian.

Selain itu, keadaan yang berbeza ini telah mendatangkan kekhawatiran dan kerisauan dalam golongan murid serta pendidik juga turut bersemuka dengan





kegelisahan yang tersendiri (Shazarina et al.2020). Hal ini kerana, walaupun pendidik bersemangat dalam menyediakan bahan – bahan PdP yang menarik, namun jika tidak mempunyai penglibatan yang aktif dan kesanggupan daripada murid lalu objektif sesi PdP yang dirancang tidak dapat memperolehi dengan sempurna (Muniroh et al. 2020). Kenyataan ini bertepatan dengan Siti Balqis dan Muniroh (2020) yang menerangkan mengenai penglibatan murid yang tidak memberi kerjasama dengan pendidik dan masih belum bersedia dengan PdP atas talian. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran *online* ini sewajarnya diberikan penekanan yang serius oleh semua pihak terutamanya oleh pihak kerajaan kerana terdapat pelbagai isu dan cabaran yang timbul hasil pelaksanaannya di seluruh negara.



Pendidikan norma baharu menuntut semua guru untuk terlibat secara aktif dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran *online* melalui pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejauh manakah cabaran guru prasekolah di kawasan luar bandar terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* semasa pandemik COVID-19.





1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan di atas, secara keseluruhan matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji cabaran guru prasekolah luar bandar terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* semasa pandemik COVID-19.

Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah di luar bandar semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *online*.
- ii. Mengetahui solusi yang digunakan oleh guru prasekolah di luar bandar semasa menangani cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *online*.
- iii. Mengkaji penglibatan murid prasekolah sewaktu pengajaran dan pembelajaran



1.6 Soalan Kajian

Dalam kajian ini juga, terdapat beberapa persoalan yang menjadi permasalahan dalam mengkaji cabaran guru terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* di kawasan luar bandar. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab segala persoalan yang timbul seperti berikut:

- i. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah di luar bandar semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *online*?





- ii. Bagaimanakah solusi yang digunakan oleh guru prasekolah di luar bandar semasa menangani cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *online*?
- iii. Sejauh manakah penglibatan murid prasekolah sewaktu pengajaran dan pembelajaran *online* dilaksanakan?


1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian (Nik Zulkarnain, 2017). Secara umumnya, kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian ia bertindak sebagai sumber panduan kepada penyelidik dalam meneliti elemen-elemen yang terlibat dalam kajiannya.



Sehubungan dengan itu, rajah 1 kerangka konseptual kajian ini menunjukkan tiga bahagian utama yang mengandungi faktor-faktor penyebab kepada fenomena yang dikaji, boleh ubah, teori yang mendasari kajian serta bagaimana elemen-elemen ini berkaitan antara satu sama lain.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Pengajaran Dan Pembelajaran *Online*

Sehubungan dengan itu, kerangka konseptual ini telah dihasilkan berpandukan amalan teori pengajaran dan pembelajaran Behaviourisme, Kognitif dan Konstruktif serta Model *e-tivities* Salmon (2002).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang bakal dijalankan ini sangat penting kerana ianya dapat memberikan gambaran yang sebenar kepada kita mengenai situasi yang telah dihadapi oleh guru pada masa kini yang terpaksa melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran *online* disebabkan sekolah-sekolah terpaksa ditutup berekoran daripada penularan penyakit berjangkit COVID-19. Daripada kajian yang dijalankan ini, jika didapati dapatan kajian



ini memberi impak yang positif, kajian ini dapat memberikan panduan yang berguna kepada semua pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru-guru, ibu bapa dan akhirnya kepada para pelajar itu sendiri.

1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam merencanakan program pendidikan dapat mengenal pasti elemen-elemen yang boleh ditambah baik dalam pelaksanaan kursus-kursus teknologi pendidikan dan ICT dalam kurikulum berkenaan. Selain itu, melalui kajian ini ianya dapat menyumbang kepada satu kaedah yang lebih menyeluruh dalam menilai sikap terhadap penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan guru dan bakal guru. Hasil dapatan yang bakal diperolehi nanti juga dapat merangsang sektor berkenaan untuk terus merancang strategi yang berkesan untuk membantu pihak sekolah dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi menyelesaikan masalah yang berlaku sepanjang pandemik COVID-19 ini.

1.8.2 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Untuk Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, hasil dapatan ini dapat membantu pihak jabatan merancang sesi kursus dan latihan yang dianggap sesuai untuk diberikan kepada guru prasekolah bagi melengkapkan ilmu berkaitan kaedah





pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk melatih dan membimbing murid prasekolah dengan sebaiknya tanpa sebarang keraguan. Guru-guru berkaitan juga dapat diberikan latihan dan kemahiran yang sepatutnya dari semasa ke semasa agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih yakin dan sempurna.

1.8.3 Pihak Sekolah dan Guru

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak sekolah dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas serta peralatan yang diperlukan oleh pihak guru dan murid untuk kegunaan di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pentadbir mengatur perjalanan sesi pengajaran yang lebih teratur dan sesuai mengikut keperluan guru dan murid mereka sendiri. Melalui pendedahan dan maklumat yang diperolehi juga, pihak sekolah boleh melihat keadaan sebenar yang berlaku di peringkat prasekolah dan tentunya maklumat ini dapat membantu para pentadbir sekolah merancang dan mengatur pelbagai keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh guru dan murid.

1.8.4 Pihak Ibu Bapa

Seterusnya kepada ibu bapa, hasil dapatan ini diharapkan dapat membantu mereka menguruskan sesi pengajaran dan pembelajaran anak-anak semasa berada di rumah





dengan lebih teratur dan terancang. Ibu bapa dapat memenuhi segala keperluan anak-anak semasa menjalani sesi pembelajaran di rumah.

1.8.5 Murid

Akhir sekali, kepada murid prasekolah kajian ini diharapkan dapat membantu mereka mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran semasa di rumah dengan penuh berkesan. Tiada lagi berlaku keciciran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran semasa berada di rumah.



Skop kajian ini adalah tertumpu kepada cabaran guru prasekolah luar bandar terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* semasa pandemik COVID-19. Kajian ini hanya dihadkan kepada 4 orang guru prasekolah di kawasan luar bandar. Kajian ini menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sahaja untuk mengumpul data. Kesemua responden yang dipilih ini memenuhi kesemua kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi menjawab soalan kajian dan mencapai objektif kajian. Data temubual adalah bergantung kepada kejujuran dan kesanggupan responden untuk meluangkan masa ditemu bual.





1.10 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini. Definisi operasi yang diterangkan di bawah ini adalah bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin akan berlaku di masa hadapan. Antara definisi tersebut adalah seperti:

1.10.1 Cabaran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) cabaran didefinisikan sebagai hasil mencabar iaitu mempersoalkan dan mempertikaikan sesuatu unsur yang mencabar serta menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi.



Cabaran membawa maksud sesuatu hal atau perkara yang menguji kemampuan serta ketabahan seseorang yang ada kaitannya dengan sesebuah organisasi (Sandy Lo, 2020) Cabaran juga membawa maksud sesuatu hal atau perkara yang menguji kemampuan serta ketabahan seseorang yang ada kaitannya dengan organisasi (Safinah Ismail et al. 2020).

1.10.2 Guru Prasekolah

Guru prasekolah merupakan seorang guru yang mendidik kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun serta memberi pengalaman kepada kanak-kanak berkenaan





alam persekolahan serta pengalaman permulaan dalam menjalankan hubungan antara kanak-kanak (Siti Nor Ain, 2019).

Guru prasekolah merujuk kepada guru yang dipertanggungjawabkan dalam mendidik murid-murid yang berumur 5 tahun dan 6 tahun di sesebuah prasekolah (Wan Kit Yee, 2020).

Guru prasekolah ialah guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah dan mengajar di kelas prasekolah (Mastura, 2021).



Mengikut takrifan Jabatan Perangkaan Malaysia (2011), luar bandar adalah sebuah kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang kurang daripada 10,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011).

Luar Bandar ialah kawasan yang mundur dan ketinggalan dari segi kemajuan berbanding kawasan bandar dikenal pasti sebagai kawasan luar bandar, selain dikenali sebagai kawasan yang serba kekurangan dan tidak lengkap dalam aspek infostruktur dan infrastruktur sehingga menyebabkan penduduk luar bandar kurang menerima arus permodenan seperti mana yang dialami oleh penduduk bandar (Engkasan, (2022).





1.10.4 Pengajaran dan Pembelajaran *Online*

Pengajaran dan pembelajaran *online*, e-pembelajaran atau pembelajaran dalam talian didefinisikan sebagai pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran dan juga telah dikategorikan sebagai penggunaan teknologi maklumat untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Menurut Nor Aziah dan Mohd Taufik (2016), pembelajaran dalam talian merupakan sistem penyampaian ilmu secara elektronik yang biasanya lebih dikenali sebagai sistem pengurusan pembelajaran, sistem pembelajaran virtual, dan sistem pengurusan kandungan yang disokong dengan isi pembelajaran dan kemudahan infrastruktur.



Pembelajaran dalam talian adalah salah satu kaedah pembelajaran yang menerapkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Afriyanti et al. 2018). Pembelajaran secara atas talian adalah interaksi dua hala antara pelajar dengan sistem dalam pembelajaran berbantuan komputer (Harlina, Zubaidah dan Ainee, 2019). Bahkan, pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara untuk memastikan sesebuah pembelajaran itu masih boleh dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa (Md Noor Salleh, 2019).



1.10.5 COVID-19

Coronavirus 2019 atau singkatannya COVID-19 adalah sejenis virus yang telah menyerang penduduk dunia dan menjadi satu ancaman dalam kesihatan awam. COVID-19 adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh *severe acute respiratory syndrome coronavirus 2*(SARS-CoV-2) yang menyebabkan seluruh dunia dilanda pandemik dan mengakibatkan berjuta-juta kematian.

World Health Organization memberi nama virus baru tersebut Severe acute respiratory syndrome coronavirus-2 (SARS-CoV-2) dan nama penyakitnya sebagai *Coronavirus disease 2019* (COVID-19) (WHO, 2020).



05-4506832



COVID-19 juga menular dengan cepat iaitu melalui sentuhan pada permukaan

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

tbupsi

yang di cemari oleh virus daripada individu yang telah berjangkit kepada individu lain dan melalui titisan pernafasan seperti batuk atau bersin (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020).

1.11 Rumusan

Pengajaran dan pembelajaran *online* bukanlah sesuatu yang baru kepada guru-guru sebelum pandemik COVID-19 ini berlaku, namun kaedah pembelajaran ini hanya sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan di bilik darjah. Apabila berlaku pandemik ini, pengajaran dan pembelajaran *online* melalui pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) telah menjadi satu keperluan kepada





para pendidik. Semua guru perlu melaksanakan sepenuhnya pembelajaran dalam talian bagi menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Setiap kaedah pembelajaran yang digunakan sememangnya mempunyai cabarannya yang tersendiri begitu juga dengan pengajaran dan pembelajaran *online*. Maka, cabaran yang dihadapi oleh guru perlu dititikberatkan dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *online* sebagai satu alternatif pembelajaran yang dapat membantu guru melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di samping juga menarik minat pelajar untuk belajar dan juga memastikan semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka sejauh manakah cabaran guru prasekolah terutamanya di kawasan luar bandar terhadap pengajaran dan pembelajaran *online* semasa pandemik COVID-19.

